



Faculty of Applied and Creative Arts

**MUZIUM SEBAGAI INSTRUMEN PENDIDIKAN BUDAYA WARISAN:
SUATU KAJIAN KES DI MUZIUM ADAT, JELEBU, NEGERI
SEMBILAN**

Muhammad Azri Bin Muhammad Suhaimi

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

2016

**MUZIUM SEBAGAI INSTRUMEN PENDIDIKAN BUDAYA WARISAN:
SUATU KAJIAN KES DI MUZIUM ADAT, JELEBU, NEGERI SEMBILAN**

MUHAMMAD AZRI BIN MUHAMMAD SUHAIMI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I.....**MUHAMMAD AZRI B. MUHAMMAD SUHAIMI, 37279, FACA, UNIMAS**.....hereby
declare that the work entitled.....**MUZIUM SEBAGAI INSTRUMEN PENDIDIKAN BUDAYA WARISAN: SUATU**

KAJIAN KES DI MUZIUM ADAT, JELEBU, NEGERI SEMBILAN is my original work. I have not copied
from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement
is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

MUHAMMAD AZRI B. MUHAMMAD SUHAIMI (37279)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I.....**ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO**..... hereby certifies that
the work entitle.....**MUZIUM SEBAGAI INSTRUMEN PENDIDIKAN BUDAYA WARISAN: SUATU KAJIAN KES**
.....**DI MUZIUM ADAT, JELEBU, NEGERI SEMBILAN**..... was prepared by the above named
student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment
of....**IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**...and the
aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (/)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**NO. 23, TAMAN SERI CEMPEDAK,
71600, KUALA KALAWANG, JELEBU,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Muzium Sebagai Instrumen Pendidikan Budaya Warisan: Suatu Kajian Kes di Muzium Adat, Jelebu, Negeri Sembilan**” telah disediakan oleh **Muhammad Azri Bin Muhammad Suhaimi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

En. Andreas Sudjud Dardanto

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau Institut Pengajian Tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(MUHAMMAD AZRI BIN MUHAMMAD SUHAIMI)

37279

PROGRAM PENGURUSAN SENI

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia rahmat-Nya, dengan keizinan dan kudrat yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini yang bertajuk “Muzium Sebagai Instrumen Pendidikan Budaya Warisan: Suatu Kajian Kes di Muzium Adat, Jelebu, Negeri Sembilan” dengan jaya dan saksama. Selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. dan sesungguhnya baginda pesuruh Allah.

Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Encik Andreas Sudjud Dardanto di atas segala bimbingan, dedikasi dan dorongan beliau dalam proses menghasilkan kajian ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak Muzium Adat iaitu Encik Suhaimi bin Basiron, Encik Rosiswandy bin Mohd. Salleh dan staf Muzium Adat di atas kerjasama dan meluangkan masa untuk menemu bual. Tidak juga lupa kepada warga Kuala Klawang, Jelebu dalam memberi kerjasama dengan baik terhadap kajian ini. Jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah bersusah-payah untuk mendidik anak ini, keluarga, guru, pensyarah, dan rakan-rakan di atas segala ilmu dan sokongan selama ini dalam menempuh untuk menyiapkan kajian ini

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk dijadikan sebagai rujukan kepada mereka yang memerlukan lebih-lebih lagi pengkaji pada masa akan datang. Selain itu, saya berharap kajian ini mampu menjadi panduan dalam meningkatkan taraf kualiti muzium.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii – v
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkatan	x

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2 – 6
1.1.1 Negeri Sembilan dan Jelebu	2 – 3
1.1.2 Muzium Adat	4 – 5
1.1.3 Pemilihan Pengkaji	6
1.2 Permasalahan Kajian	6 – 8
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9 – 10
1.5 Kepentingan Kajian	11 – 12
1.6 Skop Kajian	12 – 13

1.7	Batasan Kajian	14 – 15
1.8	Teori	15 – 17
1.9	Kerangka Kajian	18 – 22
1.10	Rumusan	22

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	Pengenalan	23 – 24
2.1	Definisi Kajian	24 – 31
2.1.1	Muzium	24 – 25
2.1.2	Instrumen	26
2.1.3	Pendidikan	26 – 27
2.1.4	Budaya	27 – 29
2.1.5	Warisan	29 – 30
2.1.6	Adat	30 – 31
2.2	Sorotan Kajian Lain	31 – 34

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	35
3.1	Sumber Data	36
3.2	Kaedah Kajian	37 – 38

3.3	Lokasi Kajian	38
3.4	Kaedah Kualitatif	39
	3.4.1 Pemerhatian	39
	3.4.2 Temu Bual	39
3.5	Kaedah Kuantitatif	40
3.6	Instrumen Kajian	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	41
4.1	Keputusan Persampelan (Kualitatif)	41 – 46
4.2	Keputusan Persampelan (Kuantitatif)	46 – 69
	4.2.1 Diskriptif (Maklumat Responden)	46 – 50
	4.2.2 Kekerapan	50 – 66
	4.2.3 Tabulasi Silang	66 – 69

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	70
5.1	Ulasan Kajian	70 – 71
5.2	Perbincangan Kajian	71 – 74
	5.2.1 Fungsi penubuhan Muzium Adat	71 – 72

5.2.2	Pengurusan Organisasi Muzium Adat Dalam Konteks Peranannya Mendidik Masyarakat Berkaitan Budaya Warisan Di Negara Ini	72
5.2.3	Menyelidik Kandungan Galeri Pameran Yang Terdapat Di Dalam Muzium Adat	73
5.3	Cadangan Penambahbaikan Terhadap Muzium Adat dan Pengkaji Pada Masa Akan Datang	73 – 74
5.4	Kesimpulan	74 – 75
RUJUKAN		76 – 77
LAMPIRAN		78 – 113

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengetahui berkenaan instrumen pendidikan budaya warisan yang digunakan pihak Muzium Adat. Kajian mengfokuskan terhadap fungsi penubuhannya dan kaedah pengurusan organisasi dalam konteks budaya warisan serta kandungan galeri pameran. Lokasi kajian adalah di Muzium Adat dan kawasan daerah Jelebu. Hasil daripada kajian ini, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu pemerhatian, temu bual dan pengedaran borang soal selidik terhadap organisasi Muzium Adat dan penduduk sekitarnya. Menurut dapatan kajian, fungsi Muzium Adat ialah tempat merekod sejarah dan mendidik masyarakat mengenai pendidikan budaya warisan. Kaedah yang digunakan oleh Muzium Adat ialah pameran yang terkini dan pelbagai aktiviti untuk masyarakat. Terdapat empat galeri di Muzium Adat dan jalan ceritanya direka oleh Prof. Nor Halim.

ABSTRACT

This study is about the cultural heritage of educational instruments used by the Customs Museum. The study focuses on the establishment and management methods in the context of the cultural heritage organization and content of the exhibition gallery. The study was carried at Customs Museum and the Jelebu area. The results of this study, the study used qualitative and quantitative methods of observation, interviews and distributing questionnaires to organizations Customs Museum and the surrounding population. According to the findings, the Customs Museum is a place to record history and educates the public about cultural heritage education. The method used by the Customs Museum is a showcase of the latest and various activities for the community. There are four galleries in the Museum of Indigenous and storyline designed by Prof. Nor Halim.

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
1.1 Skop Kajian	13
1.2 Teori <i>4MAT Learning Style System</i>	17
1.3 Kerangka Kajian	18
2.1 Prinsip-Prinsip Perlaksanaan yang Terbaik Bagi Pendidikan di dalam Muzium	33
3.1 Sumber Data	36
4.1 Fungsi Muzium Adat Terhadap Negara	57
4.2 Cara Mengelakkan Pendidikan Budaya Warisan	63
4.3 Fungsi Muzium Adat Terhadap Negara Dari Segi Jantina	67
4.4 Muzium Adat Sebagai Pusat Pendidikan Budaya Warisan Dari Segi Jantina	68
4.5 Cara Mengelakkan Pendidikan Budaya Warisan Dari Sudut Jantina	69

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
4.1 Maklumat Responden	49 – 50
4.2 Kekerapan Kedatangan Pengunjung	51
4.3 Kedatangan Pengunjung Pada Tahun Lepas	52
4.4 Jenis Pengunjung Yang Dibawa Bersama	52 – 53
4.5 Cara Pengunjung Melawat Muzium Adat	53
4.6 Tempoh Melawati Sesebuah Galeri	54
4.7 Galeri Yang Diminati	55
4.8 Mempelajari Sesuatu Selepas Melawati Muzium Adat	56
4.9 Muzium Adat Sebagai Pusat Pendidikan Budaya Warisan	58
4.10 Kaedah Untuk Mendidik Masyarakat	59
4.11 Penglibatan Dalam Acara Muzium Adat	60
4.12 Kepentingan Muzium Adat Kepada Masyarakat	61 – 62
4.13 Penambahbaikan Muzium Adat	64
4.14 Cara Menarik Minat Pengunjung Jika Menjadi Kurator	65 – 66

SENARAI SINGKATAN

SINGAKATAN

ICOM	: <i>International Council of Museum</i>
NBOS	: <i>National Blue Ocean Strategy</i>
NGO	: <i>Non - Governmental Organization</i>
PKMA	: Pusat Khidmat Maklumat Akademik
PMR	: Pernilaian Menengah Rendah
PPD	: Politeknik Port Dickson
PT3	: Pentaksiran Tingkatan 3
SMKUJ	: Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Jelebu
SMKDUMA	: Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa Al-Haj
SPSS	: <i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	: Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UITM	: Universiti Teknologi MARA
UNIMAS	: Universiti Malaysia Sarawak
UNITEN	: Universiti Tenaga Nasional
UPSI	: Universiti Perguruan Sultan Idris

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berkenaan dengan Muzium Adat di Jelebu, Negeri Sembilan yang mengandungi pameran-pameran berkenaan dengan adat-adat yang terdapat di Malaysia. Manakala, tajuk kajian pengkaji adalah “**Muzium Sebagai Instrumen Pendidikan Budaya Warisan: Suatu Kajian Kes di Muzium Adat, Jelebu, Negeri Sembilan**”. Pengisian di dalam bab ini adalah berkaitan dengan tujuan kajian, permasalahan kajian, sorotan kesusasteraan, metodologi, kepentingan kajian dan rumusan keseluruhan bab ini. Selain itu, pengkaji juga menceritakan serba sedikit mengenai Muzium Adat dan Negeri Sembilan untuk membantu lagi para pembaca memahami sejarah dan lokasi tempat kajian ini.

Pengkaji hanyalah mengkaji berkenaan dengan latar belakang muzium, pameran muzium dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak muzium bagi menyampaikan maklumat berkenaan dengan pendidikan budaya warisan. Muzium merupakan tempat tersimpannya khazanah dan maklumat. Sebuah muzium memerlukan sistem pengurusan yang tepat mengikut jenis pameran agar mereka dapat mencapai matlamat visi dan misi mereka. Jadi, pihak pengurusan muzium memiliki segala maklumat dan kaedah yang tepat dan berguna untuk dikongsikan kepada pengunjung dan lebih-lebih lagi kepada pengkaji.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Negeri Sembilan dan Jelebu

Negeri Sembilan Darul Khusus adalah salah satu negeri di dalam Malaysia yang terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia. Negeri Sembilan juga terletak berdekatan dengan negeri Selangor di utara, Johor di tenggara, Melaka di selatan, dan Pahang di timur. Sejak abad ke-14, perantau dari Minangkabau, Sumatera, telah pun menetap di Negeri Sembilan dan menjadi masyarakat di situ. Ketibaan orang Minangkabau bermula di Melaka dan kemudian ke Rembau yang merupakan salah satu daerah di dalam Negeri Sembilan.

Pada asalnya, di Negeri Sembilan didiami oleh masyarakat orang asli yang merupakan suku kaum Semang, Jakun dan Sakai. Mereka menjalani kehidupan dengan hidup secara nomad, memburu, bertani dan mengambil hasil hutan. Apabila tibanya orang Minangkabau di Negeri Sembilan, mereka berjaya mengahwinkan orang Minangkabau dengan penduduk asli di situ. Seterusnya, keturunan mereka pula dinamakan dengan suku Biduanda. Suku Biduanda adalah salah satu suku yang hanya boleh menjadi pemimpin di Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan pada asalnya memiliki sembilan daerah iaitu Johol, Jelebu, Inas, Sungai Ujong, Rembau, Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi, dan Jempol. Seterusnya, saiz

Negeri Sembilan semakin mengecil berbanding dahulu dan hanya 7 daerah sahaja kekal yang kini dikenali sebagai Seremban, Tampin, Jelebu, Rembau, Kuala Pilah, Port Dickson dan Jempol. Negeri Sembilan dinamakan dengan menggunakan istilah dari Minangkabau iaitu “nagari” yang membawa maksud penempatan yang mengandungi beberapa buah “koto”. “Koto” pula mungkin merujuk kepada kampong.

Terdapat 12 suku yang mewarisi di dalam Negeri Sembilan iaitu suku Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumboh, Mungkal, Tiga Nenek, Tanah Datar, Sri Lemak, Batu Belang, Tiga Batu, Sri Melenggang, Anak Acheh dan Anak Melaka. Suku-suku ini akan diwarisi oleh anak-anak mengikut suku yang diwarisi oleh ibu mereka sendiri. Luak adalah kawasan pentadbiran adat di dalam Negeri Sembilan. Terdapat lima luak di dalam Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, dan Tampin. Di setiap luak ini dibawah pemerintahan seorang ketua yang digelar Datuk Undang.

Jelebu pula adalah salah satu daerah di dalam Negeri Sembilan yang merupakan daerah yang kedua terbesar di dalam Negeri Sembilan, manakala Jempol adalah daerah yang terbesar di dalam negeri itu. Nama Jelebu berasal daripada nama seseorang lelaki orang asli yang mati lemas di dalam Sungai Teriang. Selain itu, pada asalnya Jelebu di bawah pemerintahan empayar Johor tetapi akibat daripada peristiwa ‘memutus tali ke Johor’ pada tahun 1757, Jelebu berdiri sendiri tanpa kuasa luar.

1.1.2 Muzium Adat

Muzium Adat merupakan sebuah muzium yang mengandungi perkara-perkara seperti adat, budaya warisan dan amalan masyarakat di Malaysia. Muzium Adat terletak di Kuala Klawang, Jelebu Negeri Sembilan. Muzium Adat ini juga adalah salah satu idea daripada Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang sewaktu itu beliau merupakan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Tarikh pembukaan Muzium Adat ini adalah pada tahun 2005 manakala tarikh yang dirasmikan oleh Undang Luak Jelebu, Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Musa bin Wahab, bersama-sama dengan Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan dan Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim pada 2 Februari 2008.

Seterusnya, Muzium Adat ini mempunyai empat buah galeri utama yang mengumpulkan adat-adat di Malaysia. Muzium ini mempunyai 4 tingkat dan 4 buah galeri. Galeri tersebut bermula dari tingkat G sehingga tingkat 3, manakala tingkat 4 adalah pejabat pengurusan Muzium Adat. Galeri Pertama menceritakan mengenai pengenalan dan konsep adat di Malaysia yang bermulanya adat terbesar di Alam Melayu iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Selain itu, terdapat juga mengenai kaum-kaum lain mengenai pemakaian, peralatan atau artifak yang digunakan dalam kehidupan mereka. Galeri ini dinamakan sebagai galeri Pengenalan Adat di Malaysia.

Galeri Kedua atau galeri Kitar Hidup, mengandungi adat-adat yang digunakan dalam kitaran hidup manusia. Antara kitaran hidup yang disentuh ialah mengenai kelahiran, perkahwinan dan kematian. Tambahan lagi, amalan ritual dan muzik yang diamalkan oleh masyarakat di Malaysia juga diselitkan dalam bahagian ini. Galeri Ketiga pula mengenai adat yang digunakan dalam pertabalan raja, konsep sistem diraja, dan Institusi Kesultanan Raja-raja Melayu. Gelaran galeri ini adalah galeri Tradisi Intelektual/Kerajaan dan Kuasa. Galeri Keempat atau galeri Adat Perpatih merupakan bahagian yang mengfokuskan mengenai adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau yang jelajah sehingga di Negeri Sembilan dan dari segi sudut struktur sosial. Tambahan lagi, di bahagian galeri ini juga mempamerkan replika batu megalith yang merupakan simbol ritual sistem tanah beradat.

Penubuhan Muzium Adat ini adalah untuk mengumpulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat di Malaysia yang dianggap sebagai adat. Muzium Adat menyampaikan sesuatu maklumat mengenai adat dengan menggunakan artifak dan naratif yang dipamerkan dengan unik dan menarik. Selain itu, masyarakat Malaysia dapat menambah ilmu pengetahuan melalui naluri pengalaman mengenai aspek-aspek adat yang penuh dengan jalinan kehidupan yang mempunyai nilai-nilai murni di dalamnya. Masyarakat Malaysia juga dapat mengimbas kembali mengenai kebudayaan atau cara hidup di negara ini.

1.1.3 Pemilihan Pengkaji

Pengkaji memilih kajian ini kerana kajian ini mampu memberi impak kepada setiap muzium dari segi pendidikan budaya warisan. Hal ini kerana pendidikan budaya warisan adalah salah satu ilmu yang penting untuk dipelajari oleh setiap lapisan masyarakat. Lebih-lebih lagi, kepada mereka yang jauh daripada mengamalkan adat, adab, dan agama. Selain itu, pengkaji memilih Muzium Adat ini sebagai lokasi kajian kerana muzium ini berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji dan pengkaji pernah bekerja di situ. Dengan adanya pengalaman bekerja di Muzium Adat, pengkaji dapat beberapa maklumat penting yang mampu dijadikan data yang bernilai untuk kajian ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan salah satu perkara yang penting dalam setiap kajian yang dikaji kerana dengan adanya permasalah kajian, pengkaji dapat memfokuskan atau memberi hala tuju kepada pengkaji terhadap perkara yang ingin dikaji. Dengan adanya permasalahan kajian ini juga, pengkaji dapat panduan untuk merancang kajian, memilih teknik pengumpulan data dan teknik menganalisa data kajian yang bersesuaian, cara untuk menganalisa data dan penerangannya daripada hasil kajian serta menjadikan data keseluruhannya kepada sebuah penulisan laporan kajian.

Antara permasalahan yang membuatkan pengkaji berminat untuk melakukan kajian berkenaan dengan Muzium Adat sebagai instrumen pendidikan budaya warisan ialah:

1. Fungsi penubuhan Muzium Adat terhadap negara ini.
2. Kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan Muzium Adat yang berperanan untuk mendidik masyarakat mengenai budaya warisan.
3. Pameran-pameran yang dipaparkan oleh Muzium Adat.

Bagi permasalahan pertama ialah fungsi penubuhan Muzium Adat terhadap negara ini. Setiap muzium mempunyai fungsi yang hampir sama seperti penyampaian ilmu, pameran dan lain-lain lagi. Begitu juga Muzium Adat, yang mempunyai fungsi mengikut tema yang dibawa oleh muzium itu sendiri. Dari segi ini, perkara ini menunjukkan betapa manfaatnya muzium terhadap sesebuah negara.

Permasalahan kedua ialah kaedah yang digunakan oleh pihak Muzium Adat yang berperanan untuk mendidik masyarakat mengenai budaya warisan. Muzium mempunyai maklumatnya tersendiri walaupun ringkas tetapi padat. Dengan itu, kaedah penyampaiannya memainkan peranan yang besar agar maklumat tersebut dapat diterima oleh masyarakat dengan mudah. Lebih-lebih lagi mengenai budaya warisan yang jarang dilalui oleh generasi kini.

Permasalahan ketiga ialah pameran-pameran yang dipaparkan oleh Muzium Adat. Tidak semua muzium mempunyai pameran yang sama. Perkara ini menunjukkan bahawa pameran yang dipamerkan oleh muzium ini adalah mengikut tema atau jenis maklumat

yang ingin disampaikan. Adakalanya, pada tahun yang tertentu, pameran di dalam muzium akan berubah bagi menampakkan sesuatu yang baru terhadap muzium tersebut.

Kesimpulannya, permasalahan kajian ini dapat mencerahkan lagi laluan kajian untuk mencari data dan maklumat dalam penghasilan laporan kajian ini. Tambahan lagi, permasalahan kajian ini dapat mengatasi masalah yang menjadi tanda tanya kepada pengkaji dan para pengkaji yang lain serta dapat mewujudkan maklumat yang mampu menjadi ilmu pengetahuan atau ilmu yang dapat dikongsi bersama.

1.3 Persoalan Kajian

Bagi menjelaskan lagi mengenai permasalahan kajian, pengkaji menyediakan persoalan kajian. Persoalan kajian ini adalah soalan-soalan utama di dalam kajian ini dan soalan-soalan tersebut hendaklah dijawab agar matlamat kajian ini tercapai. Berikut adalah persoalan kajian:

1. Apakah fungsi penubuhan Muzium Adat terhadap negara ini?
2. Bagaimanakah pihak pengurusan Muzium Adat mendidik masyarakat mengenai budaya warisan?
3. Apakah isi pameran yang dipaparkan oleh Muzium Adat?

1.4 Objektif Kajian

Muzium Adat yang terletak di daerah Jelebu yang merupakan kawasan penempatan sederhana. Perkara ini menunjukkan bahawa muzium bukanlah hanya terletak di kawasan-kawasan bandar seperti Seremban mahupun ditengah-tengah bandar Kuala Lumpur. Muzium juga boleh ditempatkan di kawasan-kawasan yang bersesuaian dengan temanya yang dibawa. Akan tetapi, kesukaran para pengunjung untuk mencari dan merasai pengalaman di Muzium Adat dialami kerana muzium ini bukanlah terletak di kawasan tumpuan orang ramai.

Dengan itu, tidak semua orang dapat mengetahui maklumat dan pameran yang terdapat di Muzium Adat. Dari sudut pandangan ini, pengkaji dapat menyenaraikan beberapa objektif yang dijadikan sebagai sebahagian kajiannya. Selain itu, dengan adanya objektif ini, tujuan kajian akan lebih jelas dan mudah lagi pembaca atau pelawat muzium memahami berkenaan dengan Muzium Adat. Antara objektif yang dipilih dalam mengkaji kajian ini ialah:

1. Meneliti fungsi penubuhan Muzium Adat.
2. Mendokumentasikan pengurusan organisasi Muzium Adat dalam konteks peranannya mendidik masyarakat berkaitan budaya warisan di negara ini.
3. Menyelidik kandungan galeri pameran yang terdapat di dalam Muzium Adat.

Objektif pertama ialah meneliti fungsi penubuhan Muzium Adat. Seperti mana yang diketahui bahawa muzium ditubuhkan untuk menyimpan atau merekodkan sesuatu agar ia menjadi suatu rujukan kepada masa akan datang. Selain itu, sejarah dan organisasi yang menjalankan pekerjaan di Muzium Adat juga merupakan perkara penting yang perlu diketahui. Dengan itu, pengkaji dapat mengetahui faktor-faktor utama penubuhan Muzium Adat.

Seterusnya, objektif kedua ialah mendokumentasikan pengurusan organisasi Muzium Adat dalam konteks peranannya mendidik masyarakat berkaitan budaya warisan di negara ini. Terdapat banyak kaedah yang dilakukan oleh setiap organisasi untuk mengekalkan prestasi sesebuah muzium dan lebih-lebih lagi peranannya dalam mendidik masyarakat berkenaan maklumat yang terkandung di dalam muzium itu sendiri. Begitu juga dengan organisasi Muzium Adat, mereka berperanan untuk mendidik masyarakat berkenaan dengan budaya warisan di negara ini.

Objektif terakhir ialah menyelidik kandungan galeri pameran yang terdapat di dalam Muzium Adat. Pameran yang terdapat di dalam sesebuah muzium diperbaharui atau digantikan dengan pameran yang lebih menarik lagi supaya pengunjung tidak rasa bosan melihat benda yang sama. Dengan itu, pameran-pameran yang terdapat di dalam Muzium Adat dapat diketahui dengan lebih terperinci.

1.5 Kepentingan Kajian

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa kepentingan terhadap masyarakat Malaysia, pihak pengurusan muzium dan pengkaji pada masa akan datang. Kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan akademik dan memberi cadangan kepada pengkaji akan datang tentang muzium. Selain itu, mereka juga boleh menambahkan ilmu mereka dalam pengurusan muzium. Walaupun kajian ini hanya mengfokuskan beberapa perkara sahaja tetapi kajian ini mempunyai kelainan berbanding dengan kajian-kajian yang lain.

Dengan kajian ini, mereka dapat mengetahui mengenai sistem pengurusan dan pameran-pameran yang terdapat di dalam Muzium Adat. Setiap muzium mempunyai pameran dan pengurusan tersendiri walaupun setiap muzium kerajaan diuruskan oleh organisasi Muzium-Muzium Malaysia. Namun, kaedah yang digunakan oleh organisasi muzium untuk menguruskan muzium tidak semuanya sama dengan muzium yang lain. Lebih-lebih lagi tema yang dibawa oleh muzium itu berbeza termasuklah pengisian dan pamerannya dengan muzium yang lain.

Dengan adanya kajian ini juga, pembaca atau pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan dan akademik bagi pengkaji, institusi pendidikan dan pembaca. Para pembaca dapat mengetahui beberapa perkara baru yang melibatkan pengurusan muzium dan kaedah pendidikan yang digunakan oleh muzium. Selain itu, pembaca atau pengkaji juga mampu menerapkan kajian ini ke dalam aktiviti mereka sama ada di

peringkat universiti atau di peringkat yang lebih tinggi di dalam sebuah kajian atau pengurusan.

Seterusnya, kajian ini mampu menjadi panduan kepada pihak-pihak muzium dalam menampaikan muzium mereka. Kaedah dan teknik-teknik yang kreatif mampu menarik minat para pengunjung untuk melawati muzium. Tambahan lagi, pihak muzium menjadikan ilmu dan pendidikan yang dipamerkan oleh muzium dapat difahami oleh para pengunjungnya. Dengan itu, muzium mampu menjadi salah satu tempat yang lebih menarik untuk dilawati dan tidak menghamparkan para pengunjungnya.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian adalah sebuah ruang lingkup yang telah ditetapkan dalam sesuatu kajian bagi meneliti lagi kajian yang dikaji. Skop kajian dibahagikan bagi memenuhi keperluan dalam kajian ini. Skop kajian ini juga berkait rapat dengan tajuk kajian, objektif kajian dan permasalahan kajian. Hal ini kerana daripada tiga perkara tadi, ia membawa beberapa bahagian skop kajian yang dibahagikan mengikut kesesuaian kajian yang telah dikenal pasti.

Skop kajian ini telah dikecilkkan oleh pengkaji bagi kajian tersebut tidak melampaui batas yang telah dihadkan agar pengkaji dan kajiannya tidak melakukan kesalahan dalam

menghasilkan kajian ini. Skop kajian ini juga diadakan untuk memudahkan kajian ini dan memperincikan lagi dalam pemprosesan data kajian. Selain itu, pengkaji juga boleh menghuraikan lagi satu per satu skop yang telah dipecahkan agar pengkaji dapat mengumpul lebih banyak maklumat.

Antara perkara yang dibahagikan dalam skop kajian ini ialah:



Rajah 1.1: Skop Kajian

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan batasan pengkaji terhadap kajiannya mengikut kadar yang telah ditetapkan agar kajian dapat difahami dan tidak keliru atau tertindih dengan maklumat-maklumat luar daripada kajian ini. Antara batasan yang telah ditetapkan oleh pengkaji ialah:

1. Tempat kajian ini dijalankan hanyalah di Muzium Adat dan di sekitar kawasan muzium tersebut.
2. Kajian ini hanyalah menggunakan sebanyak 150 borang soal selidik yang diedarkan bagi mengumpul informasi.
3. Maklumat mengenai Muzium Adat yang digunakan hanyalah pada tahun 2009 sehingga 2014.

Kajian ini hanyalah dijalankan di Muzium Adat dan di sekitar kawasan muzium tersebut. Pengkaji menetapkan tempat kajian ini supaya kajian ini tidak melibatkan kawasan atau tempat lain. Hal ini kerana kajian ini telah mengfokuskan satu tempat sahaja dan tidak jauh daripada tempat yang dikaji. Dengan itu, maklumat yang diperoleh hanyalah di Muzium Adat dan di kawasan sekitarnya.

Seterusnya, kajian ini hanyalah menggunakan 150 borang soal selidik yang diedarkan kepada responden-responden di tempat kajian bagi mengumpul informasi kajian ini.

Hanya menggunakan 150 borang soal selidik, pengkaji dapat menghadkan jumlah pengumpulan data agar data tersebut tidak terlebih mahu pun kurang. Dengan adanya penetapan ini, maklumat yang diperoleh oleh pengkaji lebih menepati dan bersesuaian dengan kajian ini.

Yang terakhir, maklumat mengenai Muzium Adat yang digunakan hanyalah maklumat dari tahun 2009 sehingga 2014. Tempoh 10 tahun yang telah ditetapkan oleh pengkaji ini membuatkan kajian ini lebih jelas dan tidaklah bertindih dengan maklumat sebelum atau selepas tahun tersebut. Dengan itu, pengkaji dapat memiliki data yang telah ditetapkan tempohnya agar kajian ini lebih jelas dan mudah difahami.


1.8 Teori

Di bahagian ini, pengkaji memilih teori untuk menyokong kajiannya lebih-lebih lagi apabila pengkaji mendapat hujah atau hasil temu bual daripada responden. Dengan itu, kajian ini lebih kukuh lagi dengan adanya sokongan daripada teori.

Jadi, pengkaji memilih konsep *4MAT Learning Style System* sebagai teorinya. Sistem ini diperkenalkan oleh Bernice McCarthy (1987) untuk para guru bagi memudahkan lagi dalam mengajar pelajar-pelajar di sekolah, kolej atau universiti. Konsep ini juga telah diguna pakai oleh Twiss-Houting, Beth A., Taylor M. J., Watts S. (2010) dalam

mengaitkan muzium dengan pendidikan. Teori ini juga sesuai digunakan oleh kurator atau pihak muzium dalam mendidik pengunjungnya mengenai pameran-pameran yang terdapat di dalam muziumnya.

4MAT Learning Style System ini terdapat 4 kategori iaitu inovatif (innovative), akal/logik (common sense), analitik (analytic) dan dinamik (dynamic). Kategori inovatif ialah penerima belajar melalui pemerhatian dan mengolah mengikut cara tersendiri. Kategori akal atau logik ialah jenis penerima yang pertama sekali mereka akan mencubanya dengan mengeksplorasi sesuatu. Kategori analitik pula ialah penerima belajar dengan mengumpul maklumat, kajian dan pembacaan. Kategori terakhir ialah dinamik iaitu penerima yang membuat satu aplikasi baru, contoh dan mengambil langkah lebih. Kategori ini menunjukkan bahawa penerima membuat kaedahnya dan contohnya sendiri dan boleh membuat perubahan. Di bawah menunjukkan rajah *4MAT Learning Style System*:



Rajah 1.2: Teori *4MAT Learning Style System*

1.9 Kerangka Kajian



Rajah 1.3: Kerangka Kerja

Pemahaman dan penerangan awal - Peringkat 1

Langkah yang pertama dalam melakukan kajian ialah pengkaji hendaklah mencari maklumat untuk pemahaman awal pengkaji. Langkah ini perlu dilaksanakan agar

pengkaji dapat memahami perkara yang ingin dikaji agar kajiannya tidaklah berasaskan pemikiran pemikiran penkaji sahaja tetapi menjadi pemikiran penkaji lain atau masyarakat lain juga. Kajian ini hendaklah memiliki arah tujuan kajiannya atau dalam erti kata lain perlunya ada objektif kajian untuk mengetahui dan meneliti kajiannya agar kajian ini tidak bertentangan dengan tajuk pengkaji itu sendiri. Apabila adanya objektif maka perlulah ada permasalahan dan persoalan kajian agar ia menjadi lebih mendalam untuk mencari segala persoalan dan permasalahan yang menjadi buah pemikiran pengkaji ataupun pihak lain.

Penambahan maklumat dan pemilihan teori - Peringkat 2

Penambahan maklumat dan pemilihan teori merupakan langkah seterusnya dalam kajian ini. Penambahan maklumat adalah salah satu cara untuk penkaji menambah pengetahuan berkenaan dengan kajiannya melalui penggunaan buku-buku ilmiah, tesis pengkaji yang lepas dan sumber-sumber bacaan dan maklumat yang lain. Kini, terdapat kaedah baru bagi penambahan maklumat sejak tahun 2000 lagi iaitu menggunakan kaedah melayari laman sesawang. Kaedah ini lebih cepat berbanding mencari buku di perpustakaan tetapi kaedah ini ada had penggunaannya agar tiada berlakunya plagiat atau peniruan daripada bahan bacaan tersebut.

Pemilihan teori pula adalah merupakan cara untuk mengkaji kajian ini dengan menggunakan teori-teori pengkaji yang lalu. Perkara ini menunjukkan bahawa teori

pengkaji lalu telah mewujudkan satu teori untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kajiannya. Dengan teori ini juga telah diguna pakai pengkaji-pengkaji lain dan terdapat juga perubahan dari segi teori tersebut bagi lebih jelas berkenaan dengan kajiannya.

Pencarian dan pengumpulan data - Peringkat 3

Setelah melakukan pemilihan teori, pencarian data pun bermula dengan menggunakan teori tersebut dan menghasilkan soalan-soalan sama ada menggunakan kaedah kualitatif atau kuantitatif atau kedua-duanya sekali. Penggunaan soalan ini juga adalah untuk mengumpulkan segala data berkenaan dengan kajian pengkaji. Soalan-soalan itu juga perlulah berdasarkan objektif kajian agar ia dapat mencapai objektif kajian itu sendiri. Jika tidak, kajian pengkaji ini tidak dapat digunakan oleh pengkaji lain atau pembaca lain atau erti kata lain pengkaji ini tidak berhasil menyatakan kehendak kajiannya sendiri.

Setelah menjalankan pencarian data, maka langkah seterusnya ialah pengumpulan data pula. Pengumpulan data dilakukan untuk mendapatkan data-data kajian daripada borang soal selidik atau temu ramah seseorang. Pengumpulan data ini juga penting kerana ia akan menunjukkan bahawa masyarakat disekeliling atau terlibat dengan kajian ini sama ada ia dilakukan di tempat yang dirancang atau tempat-tempat lain secara rawak. Manakala, temu ramah pula pengkaji perlu membuat temu janji dahulu kerana ia lebih

sopan berbanding dengan menyerbu sesebuah organisasi atau syarikat kerana mereka kemungkinan adalah orang yang teramat penting di dalam organisasi tersebut.

Menganalisis data kajian - Peringkat 4

Menganalisis data kajian adalah proses selepas pengumpulan data. Data ini hendaklah diproseskan mengikut sistem SPSS agar tiada pertindihan maklumat di antara soalan-soalan yang terdapat di dalam borang soal selidik jika menggunakan kaedah kuantitatif. Dengan jumlah 150 orang responden, pengkaji perlu mengasingkannya mengikut jantina, lingkungan umur, dan lain lain lagi untuk mendapatkan maklumat yang lebih terang dan jelas. Manakala, kaedah kualitatif pula, pengkaji hendaklah meneliti semula segala perbualan dan percakapan orang yang ditemu ramah kerana terdapat segala pengisian penting yang telah dilafazkan oleh orang yang ditemu ramah.

Cadangan dan rumusan - Peringkat 5

Cadangan dan rumusan pula merupakan langkah yang terakhir untuk bagi keseluruhan kajian. Setelah mendapatkan keputusan terakhir daripada penganalisaan data kajian, berpandukan dengan data itu juga pengkaji dapat menghasilkan cadangan untuk penamaikan bagi kajian tersebut. Cadangan ini juga boleh diguna pakai oleh pembaca atau pengkaji lain. Yang terakhir ialah rumusan keseluruhan kajian yang menunjukkan

pengkaji telah mengumpulkan segala perkara, data dan bab di dalam kajiannya dan menyatukannya menjadi satu ringkasan bagi kajian ini.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhan di dalam bab ini, pengkaji melakukan kajian secara kasar dengan menggunakan lokasi kajian, buku, internet dan sebagainya. Dengan kaedah ini, pengkaji dapat gambaran awal dalam kajian ini dan dapat memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga menyatakan segala objektif kajian, permasalahan, skop, dan kerangka kerja bagi menjelaskan lagi haluan kajian ini. Secara kesimpulannya, bab ini merupakan titik permulaan untuk pengkaji menyempurnakan kajiannya.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pengenalan

Bab 2 adalah bahagian terkumpulnya data-data sekunder. Data-data tersebut dijadikan sebagai sorotan kesusasteraan yang merupakan maklumat atau kajian yang lepas oleh pengkaji atau penulis buku yang terdahulu. Pengkaji memerlukan maklumat-maklumat ini untuk membantu mengukuhkan kajian ini dan secara tidak langsung menambahkan ilmu pengetahuan terhadap pengkaji dan pembaca.

Pengkaji memilih maklumat atau kajian-kajian lepas yang saling berkait dengan skop dan objektif kajian ini. Seterusnya, dengan pengumpulan dan pemilihan daripada kajian lepas, pengkaji dapat mencapai objektif dan persoalan kajian ini. Pengkaji juga membuat perbandingan dan persamaan kajian ini dengan kajian lepas untuk menyokong dan membuktikan kebenaran dalam hasil kajian pengkaji ini.

Pengkaji juga memasukkan definisi tajuk kajian ini agar pengkaji dan pembaca lebih memahami mengenai pengisian yang cuba disampaikan. Selain itu, pengkaji juga memuatkan beberapa kaedah mengenai muzium, pendidikan di muzium dan beberapa pandangan daripada tokoh atau pengkaji yang lepas. Dengan adanya seluruh data-data

ini, pengkaji dapat mengukuhkan dan membuktikan bahawa kajian ini mampu menjadi kajian lepas dan rujukan kepada pengkaji akan datang.

2.1 Definisi Kajian

2.1.1 Muzium

Menurut Bernice L. Murphy yang merupakan Timbalan Presiden ICOM (International Council of Museum), (2004), menjelaskan bahawa pihak ICOM telah pun berdebat dan mengambil kata putus dalam memberikan definisi muzium yang terkini. Teras kepada definisi muzium yang terkini ialah seperti berikut:

“A museum is a non-profit making, permanent institution in the service of society and of its development, and open to public, which acquires, conserves, researches, communicates and exhibits, for purpose of study, education and enjoyment, material evidence of people and their environment.” (ICOM Statutes, article 2, para. I)

Definisi yang dinyatakan oleh ICOM mengenai muzium adalah jelas dan yang terkini. Muzium bukanlah suatu tempat yang mendatangkan keuntungan tetapi merupakan institusi yang tetap dalam perkembangan dan berkhidmat kepada masyarakat. Selain itu, muzium juga adalah tempat terbuka untuk orang awam yang tidak mengira umur dan

lapisan masyarakat. Hal ini kerana muzium memperolehi maklumat, artifak, dan kemudian muzium memeliharanya. Muzium juga sesuai dijadikan tempat melakukan kajian, berkomunikasi untuk berkongsi ilmu, tempat yang memiliki pendidikan dan keseronokan tersendiri, serta sebagai buktinya kewujudan manusia dan alam sekitarnya.

Menurut Ab Samad K., Shahidi A. H., Rahim A., Zuraidah H., Daeng Haliza D. J. (2012), sebuah institusi yang memberi kepentingan kepada negara terutamanya dalam bidang pelancongan dan pendidikan bukan formal. Akan tetapi, pada masa ini, dengan adanya pameran dan aktiviti yang disediakan, muzium telah menjadi sesebuah tempat pendidikan yang juga menyediakan pengalaman sosial dan kerohanian. Pandangan ini juga disokong oleh Dzulfawati (1999), bahawa muzium ini dianggap sebagai salah satu institusi pembinaan minda dan mampu mewujudkan semangat kesedaran terhadap budaya bangsa serta menjadi contoh kepada sistem pendidikan luar.

Manakala, menurut Suriyanty Azman, (2007), muzium adalah satu organisasi yang berkhidmat untuk menyimpan khazanah warisan negara atau masyarakat termasuklah dengan memelihara dan memulihara khazanah tersebut. Selain itu, muzium juga memperkenalkan artifak dan bertujuan untuk hiburan dan pendidikan.

2.1.2 Instrumen

Menurut Prabhas K.S., 2004, muzium hendaklah berkhidmat sebagai instrumen pembangunan pendidikan dan kebudayaan untuk semua. Hal ini menunjukkan bahawa muzium bukanlah hanya sekadar memelihara dan memuliha mahupun merekod sejarah, tetapi mampu menjadi alat untuk pembangunan dari segi budaya dan ilmu terhadap masyarakat kelilingnya dan pengunjung.

2.1.3 Pendidikan

Shahril Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing dan Dr. Saedah HJ. Siraj (1993), pendidikan bermaksud mengasuh dan memelihara anak. Seperti mana yang diajar oleh ibu bapa kepada anak-anaknya dan ini merupakan kategori pendidikan tidak formal.

Coomb dan Ahmad M. (1974), terbahagi kepada dua iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pendidikan formal ialah pendidikan yang mengikut sistem yang telah ditetapkan, mengikut umur, hirarki dan sekolah hingga ke universiti. Pendidikan tidak formal ialah aktiviti pendidikan yang terancang di luar sistem formal dan hanyalah kumpulan kecil sahaja yang menerima pembelajaran tersebut bagi dewasa dan kanak-kanak.

Menurut Mohd. Noor Yazid (2011), pendidikan merupakan persoalan penting bagi setiap negara dalam membina dan menguatkan sesebuah tamadun. Selain itu, jika bidang pendidikan sesebuah tamadun itu maju, maka tamadun tersebut mampu bertahan lama malah membesar dan kuat. Pihak yang berkepentingan dalam bidang pendidikan ini adalah pemimpin utama negara. Pemimpin inilah yang menentukan sesebuah negara itu mundur atau maju dengan gemilangnya. Menurut beliau lagi, dalam mengkuahan, menstabilkan dan menguatkan negara serta dalam membentukkan asas masyarakat, bidang pendidikanlah perkara utama yang perlu dilaksanakan. Sebagai contoh, pemimpin yang beragama Islam tetapi tidak memiliki pendidikan yang secukupnya dalam Islam malah tahap imannya rendah akan membuatkan dirinya, masyarakat, dan negara musnah. Apabila berlakunya keadaan sebegini, kuasa-kuasa luar seperti negara barat akan cuba menguasai negara tersebut.

2.1.4 Budaya

Mohd. Taib Osman (1983), ciri-ciri persambungan dan ciri-ciri perubahan merupakan ciri-ciri yang terdapat di dalam budaya. Ciri-ciri persambungan dapat menyeimbangkan budaya kerana dapat menjadi satu sistem yang hidup. Manakala, ciri-ciri perubahan berlaku jika terdapat pertembungan budaya dan memberi kesan kepada perubahan budaya sama ada dengan budaya lain ataupun dalam budaya itu sendiri. Dengan memahami sejarah yang diselami dan sesuatu detik masa yang terdapat dalam keadaan

itu dapat menerangkan ciri-ciri persambungan dan ciri-ciri perubahan dalam sesuatu budaya.

Menurut William A. Haviland (1990), kebudayaan terdiri daripada nilai abstrak, kepercayaan, dan persepsi dunia bahawa di sebalik tingkah laku manusia dan tingkah laku mereka. Ia dikongsi bersama dengan ahli-ahli masyarakat, dan apabila diambil tindakan, mereka menghasilkan tingkah laku dianggap boleh diterima dalam masyarakat. Sebahagian besar kebudayaan dipelajari melalui perantaraan bahasa, dan bukan diwarisi secara biologi, dan bahagian-bahagian fungsi budaya sebagai keseluruhan bersepudu. Selain itu, jika ingin belajar mengenai budaya, belajarlah melalui pengalaman dan bercakap mengenai hal itu dengan mereka yang hidup dengan amalan budaya tersebut.

Mereka yang mengekalkan budaya untuk menangani masalah atau perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Jika ingin mengekalkannya, budaya hendaklah memenuhi keperluan asas mereka yang hidup dengan kaedah-kaedahnya, mengadakan peruntukan bagi kesinambungan sendiri, dan menyediakan suatu kehidupan yang teratur bagi ahli-ahli masyarakat. Budaya mesti mengimbangi antara kepentingan diri individu dan keperluan masyarakat secara keseluruhannya. Budaya tersebut mesti mempunyai kapasiti untuk berubah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan baru atau persepsi diubah daripada keadaan yang sedia ada.

Kebudayaan ditakrifkan sebagai keseluruhan kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, undang-undang, moral, adat dan apa-apa keupayaan lain dan tabiat yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat. (Sir Edward Burnett Tylor, 1871). Manakala, munurut A. L. Kroeber & Clyde Kluckhohn (1950), Budaya bukan merupakan pemerhatian tingkah laku, tetapi nilai-nilai dan kepercayaan yang digunakan orang untuk mentafsir pengalaman dan tingkah laku yang dihasilkan, dan yang dapat dilihat dalam tingkah laku mereka.

William A. Haviland (1990) mengukuhkan lagi bahawa budaya merupakan satu set peraturan atau standard bahawa apabila diambil tindakan oleh ahli masyarakat, menghasilkan tingkah laku yang termasuk dalam pelbagai varian ahli difikirkan sesuai dan boleh diterima.

2.1.5 Warisan

Norhayati Ahmad (2012), warisan merupakan objek, kawasan, dan kesenian yang mempunyai nilai estetika, saintifik, nilai sosial, atau sejarah yang diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Dengan adanya warisan, sesuatu kawasan akan menjadi maju dan warisan ini perlu dijaga dengan sebaiknya.

Menurut Abd. Samad K., Shahidi A. H., Rahim A., Zuraidah H., Daeng Haliza D. J. (2012), warisan terbahagi kepada 2, ketara dan tidak ketara. Warisan ketara boleh dirasai melalui artifak. Warisan tidak ketara adalah tidak nyata kerana ia wujud dalam ilmu dan kepakaran dan dihasilkan bahasa kepercayaan dan sebagainya

2.1.6 Adat

Penulisan yang telah dihasilkan oleh Dato' Paduka Noor Aini A. adalah mengenai adat-adat resam yang terdapat di Malaysia. Penulisannya lebih mengfokuskan kepada adat Melayu berbanding Cina dan India. Melayu merupakan salah satu kaum bumiputera yang terbesar di Malaysia. Adat-adat dan penjelasan yang dikemukakan di dalam penulisan ini ialah adat di meja makan, agama dan perayaan, berpakaian, pemberian hadiah, upacara kelahiran, hari jadi, perkahwinan, pengebumian dan cara panggilan dan gelaran. Selain itu, penulisan beliau juga disokong oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim melalui ucapannya seperti berikut:

“Institusi Adat sudah menampilkkan masyarakat yang beradab. Adat merupakan satu institusi yang perlu dihormati serta disanjungi. Ia berbeza antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Untuk mencapai ketinggian martabat suatu bangsa individu itu perlu memahami adat resam sendiri.” – Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, 2005.

Menurut ucapan daripada Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, (2005), beliau menyatakan bahawa adat ini mampu menunjukkan sesebuah masyarakat itu bertamadun. Selain itu, adat juga berbeza bagi setiap bangsa dan dengan memahami adat resam bangsa sendiri mampu membuatkan individu tersebut mencapai martabat yang tinggi.

Menurut Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, adat merupakan peraturan hidup sesebuah masyarakat. Gagasan kebudayaan yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan, kelembagaan, norma, dan hukum adat. Adat dapat diteruskan jika disampaikan dengan baik dari generasi ke generasi melalui bentuk bertulis atau lisan.

2.2 Sorotan Kajian Lain

Terdapat sebuah artikel bertajuk *Museum Education Principles and Standards* yang dikeluarkan oleh *Americans Association of Museum*, menceritakan kaitan muzium dengan pendidikan yang terdapat di dalam muzium dan prinsip melaksanakannya. Muzium komited dalam berkongsi sumber mereka yang luar biasa untuk perkembangan ilmu pengetahuan dan memelihara semangat manusia. Kesemua pemegang amanah, pekerja dan sukarelawan muzium perlulah berkerjasama supaya tercapainya:

- misi sesebuah muzium adalah komitmen untuk melahirkan sumber-sumber pendidikan dengan tepat, jelas dan relevan kepada pelbagai jenis pengunjung muzium
- program tafsiran mendapatkan daripada pelbagai perspektif dalam pertukaran idea dan dalam koleksi dan persembahan objek
- pengumpulan dan penilaian maklumat memberikan bukti pengajian pengunjung dan kesan muzium
- teknologi yang sesuai digunakan untuk memperluas akses kepada pengetahuan dan pembelajaran kendiri
- persekitaran ruang kerja muzium adalah menghormati suara yang berbeza sebagai institusi dasar, program, dan membentuk produk

Rajah 2.1: Prinsip-Prinsip Perlaksanaan yang Terbaik Bagi Pendidikan di dalam Muzium



Menurut Abd. Samad K., Shahidi A. H., Rahim A., Zuraidah H., Daeng Haliza D. J. (2012), kewujudan warisan budaya telah menunjukkan satu proses sejarah yang lama bertunjangkan gambaran aliran perdana yang bersifat nasional. Warisan budaya ini juga membuatkan individu atau rakyat sesebuah negara merasakan sesuatu kewujudkan

dalam memiliki sesuatu atau kesepunyaan (sense of belonging). Warisan budaya menunjukkan sesuatu perjalanan hidup manusia yang disampaikan dari generasi ke generasi dan menunjukkan sesuatu bangsa itu bertamadun serta memiliki citra dan jati diri.

Warisan budaya mempunyai dua jenis iaitu ketara dan tidak ketara. Manusia menghasilkan warisan budaya yang ketara adalah seperti seni bina, ukiran motif, pakaian dan benda-benda yang boleh disentuh dan dirasai. Manakala warisan budaya yang tidak ketara ialah seperti budi bahasa, tingkah laku, adab, falsafah dan pandangan atau pemikiran.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan


Di dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan muzium sebagai instrumen pendidikan budaya warisan. Sememangnya pengkaji perlu mendapatkan data-data dahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji mencari segala data dengan menggunakan objektif yang telah dinyatakan iaitu dari segi fungsi penubuhan Muzium Adat, mendokumentasikan pengurusan organisasi dalam konteks mendidik masyarakat mengenai budaya warisan dan menyelidik galeri pameran di Muzium Adat. Ketiga-tiga objektif ini akan dihuraikan dan dipecahkan lagi agar ia mendapat satu hasil atau jawapan yang tepat.

Proses perkumpulan data berlaku apabila responden memberi pendapat mereka dan jumlah respon juga perlulah banyak agar ia dapat menyokong data yang telah diberikan. Perkara ini menunjukkan bahawa setiap responden memiliki pemikirannya tersendiri dan tidak semestinya keseluruhan jawapan itu adalah sama. Dengan itu, setelah jawapan terkumpul maka proses menganalisis data dilakukan dan hasilnya berada di dalam Bab 4 iaitu Analisis Data dan Dapatan Kajian.

3.1 Sumber Data

Sebuah kajian umum terdapat dua data yang dibahagikan kepada dua jenis iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang dilakukan atau sumber daripada pengkaji itu sendiri. Manakala, data sekunder pula ialah bahan-bahan bacaan yang dihasilkan oleh pengkaji lepas atau penulis. Sumber ini boleh didapati di dalam buku, surat khabar, artikel majalah dan lain-lain lagi. Selain itu, pada zaman sekarang, penggunaan sumber daripada media elektronik yang semakin meluas dapat memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat malah bahan bacaan.

Rajah 3.1: Sumber Data



3.2 Kaedah Kajian

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan data-data primer mengenai muzium sebagai instrumen pendidikan budaya warisan. Kualitatif ialah cara pemerhatian dan temu bual. Manakala, kuantitatif ialah cara pengedaran borang soal selidik. Data primer merupakan data yang diperolehi melalui cara pemerhatian dan jawapan dari responden melalui borang soal selidik. Data ini merupakan data utama kepada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sendiri. Pengkaji memilih tempat kajiannya di Muzium Adat dan kawasan yang berdekatan dengan muzium tersebut untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji melakukan cara sebegini kerana pengkaji inginkan maklumat yang tepat agar kajian ini menjadi panduan kepada mereka yang membacanya untuk menjawab persoalan-persoalan yang timbul.

Seterusnya, pengkaji mengumpulkan dan mendapatkan data sekunder yang merupakan data-data yang terdapat di dalam bahan rujukan. Bahan rujukan tersebut berbentuk bahan ilmiah yang menunjukkan segala kajian lepas dan ia perlu berkait dengan kajian pengkaji sendiri. Selain itu, bahan rujukan terdiri daripada buku, jurnal, keratan akhbar dan internet. Pengkaji boleh mendapatkan data yang berikut melalui skop kajian pengkaji. Sebelum pengkaji menjalankan kajian mengenai muzium ini, pengkaji terlebih dahulu telah membuat kajian awal iaitu melalui kajian perpustakaan.

Pengkaji juga telah menggunakan pelbagai jenis buku rujukan yang kebanyakannya merupakan kajian-kajian terdahulu dari penulis luar negara dan buku tersebut berkaitan dengan muzium, pendidikan dan warisan budaya. Terdapat juga hasil kajian dan penulisan penulis tempatan yang menjadi rujukan pengkaji. Pengkaji mendapatkan data-data sekunder ini di lokasi-lokasi utama yang menjadi tempat terkumpulnya maklumat iaitu di Pusat Khidmat Maklumat Akademik atau PKMA UNIMAS, Perpustakaan Negara Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak, dan Arkib Negara Malaysia iaitu cawangan di Sarawak.

3.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian merupakan tempat pengkaji mengumpul data-data mengenai kajianya untuk mendapatkan jawapan permasalahan dalam kajian ini. Tambahan lagi, pengkaji mengumpul dua jenis maklumat iaitu data primer dan data sekunder. Pengkaji mendapatkan data primer melalui dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif.

Data primer ini diperoleh oleh pengkaji di Muzium Adat dan sekitar kawasan muzium tersebut. Seterusnya, pengkaji memperoleh data sekunder di Pusat Khidmat Maklumat Akademik atau PKMA UNIMAS, Perpustakaan Negara Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak, dan Arkib Negara Malaysia iaitu cawangan di Sarawak.

3.4 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Kaedah ini terdapat dua cara yang digunakan oleh pengkaji iaitu pemerhatian dan temu bual. Penggunaan kaedah ini terhadap kajian pengkaji adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan muzium seperti organisasi, pameran galeri dan kaedah yang digunakan oleh pihak muzium dalam mendidik masyarakat.

3.4.1 Pemerhatian

Cara pemerhatian ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang telah dipaparkan atau dipamerkan oleh Muzium Adat. Antara maklumat yang dapat diperoleh daripada cara ini ialah mengetahui isi kandungan galeri pameran Muzium Adat dan berkenaan dengan orgnisasi muzium tersebut.

3.4.2 Temu Bual

Temu bual merupakan salah satu cara yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapat maklumat berkenaan dengan pengurusan organisasi di Muzium Adat. Maklumat yang pengkaji dapat diperoleh daripada pihak Muzium Adat ialah fungsi Muzium Adat dan kaedah yang digunakan untuk mendidik masyarakat mengenai warisan budaya.

3.5 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif adalah cara lain yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan jawapan mengenai pendidikan budaya warisan yang dilalui oleh pengunjung muzium tersebut. Cara yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan pengedaran borang soal selidik kepada para pengunjung Muzium Adat.

3.6 Instrumen Kajian

Sewaktu dalam kajian untuk mendapatkan maklumat, pengkaji menggunakan pelbagai instrumen bagi mengumpul maklumat. Selain itu, dengan adanya instrumen ini kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat dijalankan dengan lancar. Instrumen utama yang digunakan oleh pengkaji ialah kamera bagi mengambil gambar dan merekod video atau suara untuk mengumpul maklumat yang terdapat di dalam muzium dan sewaktu temu bual dengan pihak muzium.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Setelah mengumpul data-data yang dikehendaki, pengkaji menganalisis dan menterjemah data tersebut agar dapat difahami oleh pembaca lain. Tambahan lagi, bagi menganalisis data, pengkaji menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) bagi data kuantitatif. Manakala, data kualitatif pula disokong dengan teori *4MAT Learning Style System* bagi mengukuhkan hujah-hujah daripada responden. Data-data ini juga didapati daripada hasil temu bual dengan Encik Suhaimi bin Basiron merupakan Kurator Muzium Adat dan Encik Rosiswandy bin Mohd. Salleh merupakan Penolong Kurator Kanan Bahagian Permuziuman Muzium Adat. Selain itu, sebanyak 150 borang soal selidik diedarkan di sekitar daerah Jelebu bagi mendapatkan data kualitatif.

4.1 Keputusan Persampelan (Kualitatif)

Fungsi penubuhan Muzium Adat terhadap negara secara umumnya adalah politik. Politik yang dimaksudkan ialah mempunyai unsur penyatuan, perpaduan dalam etnik dan nilai kenegaraan. Unsur-unsur ini boleh dilihat melalui pameran tetap yang terdapat di dalam muzium. Selain itu, Muzium Adat juga menyampaikan sesuatu kepada pengunjung tentang keberadaan Muzium Adat ini menerusi pameran tetap mengenai

kepelbagaian etnik di Malaysia. Tambahan lagi, fungsi muzium ini juga adalah untuk menghimpunkan beberapa aspek kehidupan masyarakat di Malaysia.

Manakala, secara spesifiknya pula, Muzium Adat ini adalah sebuah institusi yang memberi impak baik kepada masyarakat dari segi sosiobudaya, ekonomi, peluang pekerjaan, dan interaksi diantara pekerja institusi mahupun pengunjungnya. Di samping itu, muzium juga memberi pengetahuan melalui naluri pengalaman kepada masyarakat mengenai aspek-aspek menarik adat dalam menjalinkan kehidupan yang mengandungi nilai-nilai positif. Pengetahuan ini didapati melalui pameran Muzium Adat seperti artifak, dan naratif yang dijalin penceritaan serta persembahan yang bermotivasi. Pengunjung juga dapat mengimbas kembali atau mengetahui tentang kehidupan kebudayan orang terdahulu.

Seterusnya, dari sudut pandangan pendidikan kebudayaan pula, Muzium Adat ini adalah institusi pendidikan yang ‘non-formal’ atau pendidikan yang tidak formal dengan menggunakan pameran sementara atau tetap bagi mendidik masyarakat setempat dan pengunjungnya. Selain itu, Muzium Adat juga menekankan mengenai sejarah kebudayaan masyarakat kerana semua kaum di Malaysia mempunyai pelbagai pengertian dari segi pengalaman, pengajaran, dan pemupukan dari sudut kehidupan harian. Sasaran jenis pengunjung bagi organisasi Muzium Adat ini adalah multirasional

iaitu terdiri daripada semua lapisan masyarakat, umur manapun pengkaji ataupun pelajar.

Selain daripada pameran tetap yang terdapat dalam Muzium Adat, pihak muzium ini juga menyediakan perkhidmatan lawatan berpandu. Situasi ini bergantung kepada pengunjung atau pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan ini dan bagi mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan ini haruslah memberitahu dahulu kepada pihak muzium agar mereka bersedia untuk menjalankan perkhidmatan tersebut. Seperti dinyatakan tadi, muzium ini merupakan institusi pendidikan tidak formal dengan menggunakan kaedah ‘inreach’ dan ‘outreach’. Kaedah ini digunakan oleh pihak Muzium Adat dengan mengadakan program dalaman (in reach) iaitu di dalam kawasan muzium tersebut dan program luaran (outreach) iaitu di luar kawasan muzium seperti di sekolah atau di sebuah institusi lain. Keadah ini adalah bertujuan untuk mengikut sasaran kedatangan pengunjung terhadap aktiviti yang dilakukan oleh Muzium Adat.

Bagi program internal, Muzium Adat mengadakan aktiviti berkumpulan seperti kuiz, soal jawab, perbincangan, dan pencarian harta karun atau ‘treasure hunt’. Di bahagian luar iaitu bahagian pentas Muzium Adat, terdapat juga aktiviti yang dijalankan di bahagian itu seperti melakukan demonstrasi, mengadakan ceramah, dan persempahan. Kaedah ini juga disokong dengan teori 4MAT *Learning Style System* kategori akal atau logic (common sense) iaitu pihak muzium membuatkan pengunjung mengeksplorasi

segala maklumat di dalam muzium dan memberi pengalaman kepada mereka yang menyertai acara. Bagi program eksternal, Muzium Adat mengadakan aktiviti di luar muzium seperti pameran bergerak, mengadakan program bersama institusi pendidikan atau masyarakat, dan mengadakan promosi seperti membuka ‘booth’ di sesebuah acara.

Setiap tahun Muzium Adat mengadakan aktiviti bagi menarik lagi kedatangan pengunjung dan setiap aktiviti tersebut terdapat juga kerjasama dengan pihak luar seperti *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), NGO, Kementerian Pendidikan Malaysia dan lain-lain lagi. Muzium Adat juga sering kali bekerjasama dengan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) kerana mereka mempunyai jabatan yang mengkaji mengenai adat. Terdapat satu kaedah dipanggil ‘touching’ yang digunakan oleh pihak muzium. Kaedah ini hanyalah mengfokuskan kepada sesuatu kumpulan yang menyertai acara seperti ceramah atau seminar dan menghasilkan sebuah karya, rujukan, atau terbitan setelah mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Kaedah ini amatlah berguna kerana ia dapat membantu para pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Kaedah ini juga disokong dengan teori 4MAT *Learning Style System* kategori analitik (analytic). Hal ini kerana pihak muzium memberikan maklumat kepada pengkaji, pembaca dan penerima maklumat.

Kaedah pameran pula adalah yang terkini iaitu dengan menggunakan audio visual, dan diorama. Kaedah ini dapat membantu lagi para pengunjung untuk memahami setiap

pameran di dalam Muzium Adat dan menyokong lagi pameran artifak, grafik, dan teks. Menurut Encik Suhaimi, beliau menyatakan bahawa penggunaan teknologi seperti audio visual amat bagus tetapi penggunaanya pula memakan kos yang tinggi jika terdapat kerosakan. Tambahan lagi, Muzium Adat bukanlah muzium yang berprofit. Jadi, beliau mencadangkan kurangkan penggunaan audio visual agar dapat mengurangkan kos. Berbeza pula pendapat dari Encik Rosiswandy, beliau lebih menyarankan penggunaan audio visual kerana kebanyakan pengunjung tempatan lebih tertarik dengan pameran yang mempunyai audio visual. Manakala, bagi pengunjung luar negara, mereka lebih menghayati penerangan teks dan artifak yang dipaparkan.

Pameran Muzium Adat ini adalah ilham daripada Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim untuk mengumpulkan segala adat yang terdapat di Malaysia. Bermula daripada idea tersebut, Prof. Nor Halim dilantik untuk melakukan jalan cerita (storylines) atau skrip mengenai adat Malaysia. Kemudianya, jika jalan cerita atau skrip tersebut dipersetujui oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, maka tindakan seterusnya adalah mencari dan mengumpulkan koleksi mengikut jalan cerita tersebut. Tambahan lagi, jalan cerita Muzium Adat yang sekarang ini adalah merupakan salinan kedua.

Terdapat 4 Galeri di dalam Muzium Adat. Galeri pertama menceritakan secara umum tentang pengenalan, definisi dan konsep adat, kategori adat serta masyarakat beradat daripada pelbagai kaum di Malaysia. Galeri kedua mengenai adat-adat yang dikaitkan

tentang kitaran hidup manusia termasuk kelahiran, perkahwinan, kematian, muzik sebagai manifestasi adat dan kegiatan ekonomi serta amalan ritual masyarakat di Malaysia. Galeri ketiga menunjukkan tentang kegiatan intelektual di istana dan rakyat serta institusi kesultanan Raja-Raja Melayu. Galeri keempat pula memperkenalkan tentang adat merantau masyarakat Minang dari Tanah Minangkabau sehingga bertapak di Negeri Sembilan dan keutuhan Adat Perpatih dari sudut struktur sosial.

4.2 Keputusan Persampelan (Kuantitatif)

4.2.1 Diskriptif (Maklumat Respon)

Sebanyak 150 helai borang soal selidik diedarkan tetapi hanya 125 helai yang boleh digunakan kerana terdapat 25 helai borang soal selidik yang rosak. Setiap borang soal selidik diedar mengandungi ciri-ciri demografi bagi menyediakan maklumat diskriptif dari hasil pemantauan. Ciri-ciri demografi adalah seperti jantina, umur, status, agama, bangsa, tahap pendidikan, pekerjaan, jenis pekerjaan dan tempat asal responden. Ciri-ciri demografi ini diperlukan untuk menyelidik latar belakang responden dengan kajian ini. Jadual 4.1 menerangkan segalanya mengenai ciri-ciri demografi responden secara ringkas. Bermula dengan jantina, sebanyak 65 orang responden (52%) adalah lelaki. Manakala, sebanyak 60 orang responden (48%) adalah perempuan.

Dari segi kumpulan umur pula, sebanyak 97 orang responden (77%) berumur 20 tahun ke bawah merupakan jumlah yang paling banyak mengunjungi Muzium Adat. Kumpulan umur yang kedua terbanyak adalah golongan umur 41 tahun keatas iaitu sebanyak 15 orang responden (12%). Manakala kumpulan umur yang terendah adalah berumur 31 – 15 tahun dan 36 – 40 tahun iaitu mempunyai hanya 1 orang responden (8%). Jika mengikut status responden pula, sebanyak 105 orang (84.0%) adalah bujang dan 20 orang (16%) telah berkahwin.

Seterusnya, agama responden sebanyak 116 orang (92.8) beragama Islam, beragama Buddha pula 6 orang (4.8%) dan selebihnya tiada agama sebanyak 3 orang (2.4%). Manakala, mengikut bangsa pula, sebanyak 117 orang (93.6) adalah Melayu, bangsa Cina pula sebanyak 3 orang (2.4%) dan yang terakhir adalah Orang Asli sebanyak 5 orang (4%).

Tahap pendidikan responden pula, kebanyakannya adalah kelulusan PMR/PT3 iaitu sebanyak 59 orang (47.2%). Kedua tertinggi pula adalah berkelulusan SPM iaitu sebanyak 47 orang (37.6%) dan seterusnya ketiga terbanyak adalah kelulusan Degree sebanyak 10 orang (8%). Kelulusan Diploma pula sebanyak 5 orang (4%) dan kelulusan STPM dan Master mempunyai jumlah yang sama iaitu 2 orang (1.6%).

Pekerjaan responden kebanyakannya adalah pelajar iaitu sebanyak 100 orang (80%). Kedua tertinggi pula ialah bekerja di sektor awam atau kerajaan iaitu sebanyak 15 orang (12%). Bagi responden yang tidak bekerja dan bekerja sendiri mempunyai jumlah yang sama iaitu 4 orang (3.2%) dan selebihnya adalah bekerja di sektor swasta, 2 orang (1.6%).

Tempat belajar pula, jumlah tertinggi adalah daripada sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Jelebu sebanyak 55 orang (44%) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa Al-Haj sebanyak 42 orang (33.6%) dan seterusnya disusuli dengan institusi pendidikan lain iaitu PPD, UITM, UNIMAS, dan UNITEN.

Manakala, jenis pekerjaan guru pula merupakan jumlah pekerjaan yang tertinggi iaitu 11 orang (8.8%) dan disusuli dengan pekerjaan lain seperti penoreh getah, bekerja sendiri, suri rumah, pengawal keselamatan, pemandu, kilang, pesara, kerajaan, PTBS dan pejabat daerah. Jumlah yang paling ramai tempat mereka berasal adalah dari Jelebu, Negeri Sembilan iaitu berjumlah 102 orang (81.6%). Selebihnya pula berasal dari daerah dan negeri lain seperti di dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Maklumat Responden

Demografi		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	65	52
	Perempuan	60	48
Umur	20 tahun ke bawah	97	77.6
	21 – 25 tahun	8	6.4
	26 – 30 tahun	3	2.4
	31 – 35 tahun	1	0.8
	36 – 40 tahun	1	0.8
	41 tahun ke atas	15	12
Status	Bujang	105	84
	Berkahwin	20	16
Agama	Islam	116	92.8
	Buddha	6	4.8
	Tiada	3	2.4
Bangsa	Melayu	117	93.6
	Cina	3	2.4
	Asli	5	4
Tahap Pendidikan	PMR	59	47.2
	SPM	47	37.6
	STPM	2	1.6
	Diploma	5	4
	Degree	10	8
	Master	2	1.6
Pekerjaan	Awam/ Kerajaan	15	12
	Swasta	2	1.6
	Bekerja Sendiri	4	3.2
	Tidak Bekerja	4	3.2
	Pelajar	100	80
Jenis Pekerjaan/ Tempat Belajar	Bekerja Sendiri	2	1.6
	Guru	11	8.8
	Kerajaan	1	0.8
	Kilang 3M	1	0.8
	Pejabat Daerah	1	0.8
	Pemandu	1	0.8
	Pengawal	1	0.8

	Penoreh Getah	2	1.6
	Pesara	1	0.8
	PPD	1	0.8
	PTBS	1	0.8
	SMKDUMA	42	33.6
	SMKUJ	55	44
	Suri Rumah	1	0.8
	UITM	2	1.6
	UNIMAS	1	0.8
	UNITEN	1	0.8
Berasal			
	Pahang	4	3.2
	Selangor	5	4
	Melaka	5	4
	Terengganu	1	0.8
	Johor	2	1.6
	Jelebu, N. Sembilan	102	81.6
	Jempol N. Sembilan	2	1.6
	Rembau, N. Sembilan	1	0.8
	Kuala Pilah, N. Sembilan	1	0.8
	Mantin, N. Sembilan	1	0.8
	Seremban, N. Sembilan	1	0.8

4.2.2 Kekerapan

Kekerapan Kedatangan Pengunjung ke Muzium Adat

Merujuk kepada Jadual 4.2, pengunjung yang melawati Muzium Adat sebelum ini kebanyakannya telah melawati hanyalah 1 kali iaitu sebanyak 31 orang (24.8%). Kedua terbanyak adalah 6 kali ke atas iaitu sebanyak 26 orang (20.8%) dan ketiga terbanyak adalah 2 kali iaitu 25 orang (20%). Seterusnya, kedatangan pengunjung ke Muzium Adat

bagi 20 orang (16%) adalah 3 kali sahaja dan 13 orang (10.4%) adalah 4 kali. Manakala, pengunjung melawati 5 kali Muzium Adat merupakan jumlah yang terendah iaitu 10 orang (8%).

Jadual 4.2 Kekerapan Kedatangan Pengunjung

Kedatangan	Frekuensi	Peratus (%)
1 kali	31	24.8
2 kali	25	20
3 kali	20	16
4 kali	13	10.4
5 kali	10	8
6 kali ke atas	26	20.8
Jumlah	125	100

Kekerapan Pengunjung Melawati Muzium Adat Pada Tahun Lepas

Jadual 4.3 pula menerangkan mengenai kekerapan pengunjung melawati Muzium Adat pada tahun lepas. Sebanyak 39 orang responden (31.2%) mengatakan ya. Manakala, sebanyak 86 orang responden (68.8%) memberi jawapan tidak.

Jadual 4.3 Kedatangan Pengunjung Pada Tahun Lepas

	Frekuensi	Peratus (%)
Ya	39	31.2
Tidak	86	68.8
Jumlah	125	100

Jenis Pengunjung Yang Dibawa Bersama Sewaktu Melawati Muzium Adat

Di Jadual 4.4 menerangkan berkenaan jenis pengunjung yang dibawa bersama ketika melawati Muzium Adat. Kumpulan yang tertinggi adalah bersama rakan iaitu sebanyak 69 orang (55.2%) dan yang kedua tertinggi adalah bersama keluarga iaitu 39 orang (31%). Seterusnya, adalah bersama kelab atau persatuan iaitu sebanyak 10 orang (8%). Kumpulan yang terendah pula adalah kumpulan yang melawati muzium secara diri sendiri iaitu sebanyak 7 orang (5.6%).

Jadual 4.4 Jenis Pengunjung Yang Dibawa Bersama

	Frekuensi	Peratus
Keluarga	39	31.2
Rakan	69	55.2
Diri Sendiri	7	5.6
Kelab/Persatuan	10	8

Jumlah	125	100
---------------	-----	-----

Cara Pengunjung Melawati Muzium Adat

Terdapat pengunjung yang suka melawati Muzium Adat secara individu atau berkumpulan atau kedua-duanya sekali. Sebanyak 106 orang responden (84.8%) yang suka melawati muzium secara berkumpulan. Manakala, selebihnya adalah pengunjung yang melawati secara individu iaitu 14 orang responden (11.2%) dan pengunjung yang melawati secara berkumpulan dan individu iaitu sebanyak 5 orang responden (4%). Sila rujuk Jadual 4.5 untuk lebih lanjut.

Jadual 4.5 Cara Pengunjung Melawat Muzium Adat

	Frekuensi	Peratus
Individu	14	11.2
Bekumpulan	106	84.8
Kedua-dua sekali	5	4
Jumlah	125	100

Tempoh Masa Pengunjung Melawati Sebuah Galeri Muzium Adat

Menurut Jadual 4.6, jumlah yang tertinggi bagi tempoh masa pengunjung melawat adalah 5 minit hingga 10 minit iaitu sebanyak 44 orang responden (35.2%). Tempoh

masa kedua yang kedua tertinggi ialah pengunjung yang melawati lebih daripada 15 minit iaitu 30 orang responden (24%). Seterusnya, ketiga yang tertinggi ialah 24 orang responden (19.2%) dengan tempoh masa 10 minit hingga 15 minit dan keempat tertinggi ialah 20 orang responden (16%) dengan tempoh masa 1 minit hingga 5 minit. Manakala, yang paling minima adalah pengunjung yang melawat secara sekadar lalu sahaja iaitu 7 orang responden (5.6%).

Jadual 4.6 Tempoh Melawati Sesebuah Galeri

	Frekuensi	Peratus
Sekadar lalu	7	5.6
1-5 minit	20	16
5-10 minit	44	35.2
10-15 minit	24	19.2
Lebih daripada 15 minit	30	24
Jumlah	125	100

Galeri Yang Diminati Pengunjung

Di dalam Jadual 4.7 menerangkan mengenai pilihan responden terhadap galeri yang diminati dan jadual ini adalah data jawapan pelbagai atau ‘multiple responses’. Majoriti responden memilih Galeri Adat Perpatih (Tingkat 3) iaitu sebanyak 71 orang (33.3%). Kedua tertinggi responden pilih adalah Galeri Pengenalan Adat di Malaysia (Tingkat G)

iaitu sebanyak 51 orang (23.9%). Seterusnya, Galeri Tradisi Intelektual/Kerajaan dan Kuasa iaitu sebanyak 47 orang (22.1%) dan Galeri Kitar Hidup (Tingkat 1) sebanyak 44 orang (20%).

Jadual 4.7 Galeri Yang Diminati

Galeri	Frekuensi	Peratus	Peratus Kes
Pengenalan Adat di Malaysia (Tingkat G)	51	23.9	41.1
Kitar Hidup (Tingkat 1)	44	20.7	35.5
Tradisi Intelektual/ Kerajaan dan Kuasa (Tingkat 2)	47	22.1	37.9
Adat Perpatih (Tingkat 3)	71	33.3	57.3
Jumlah	213	100	171.8

Perkara Yang Dipelajari Selepas Melawati Muzium Adat

Jadual 4.8 adalah mengenai perkara yang dipelajari oleh pengunjung selepas melawat Muzium Adat. Kekerapan paling tinggi perkara yang pengunjung pelajari ialah mengenai Adat Perpatih Negeri Sembilan sebanyak 51 orang responden (40.8%). Manakala, perkara yang kedua tertinggi ialah mengenai adat di Malaysia iaitu sebanyak 24 orang responden (19.2%). Manakala, kekerapan yang terendah adalah 1 orang responden (0.8%) yang jawapannya ialah cara kegunaan barang dahulu kala, sejarah Negeri Sembilan dan tradisi intelektual serta kepentingan kerajaan dan kuasa.

Jadual 4.8 Mempelajari Sesuatu Selepas Melawati Muzium Adat


	Frekuensi	Peratus
Adat di Malaysia	24	19.2
Adat Melayu	10	8
Adat Perpatih Negeri Sembilan	51	40.8
Budaya dan Adat Masyarakat	4	3.2
Zaman Dahulu		
Cara Kegunaan Barang Dahulu	1	0.8
Kala		
Kitar Hidup Manusia Lalu	13	10.4
Mendapat Ilmu	5	4
Sejarah	15	12
Sejarah Negeri Sembilan	1	0.8
Tradisi Intelektual Serta	1	0.8
Kepentingan Kerajaan dan Kuasa		
Jumlah	125	100

Pendapat Pengunjung Mengenai Fungsi Muzium Adat Terhadap Negara

Jika dilihat Rajah 4.1 adalah mengenai pendapat pengunjung mengenai fungsi Muzium Adat terhadap negara. Terdapat 4 pilihan yang disediakan iaitu tempat pelancongan, pusat pendidikan, merekod sejarah dan tempat hiburan. Sebanyak 67 orang responden

(53.6%) yang memilih fungsinya sebagai merekod sejarah dan ini merupakan jumlah yang tertinggi diantara pilihan fungsi muzium. Seterusnya, fungsi yang kedua tertinggi ialah pusat pendidikan iaitu sebanyak 48 orang responden (38.4%). Fungsi sebagai tempat pelancongan pula adalah ketiga tertinggi fungsi Muzium Adat yang dipilih oleh pengunjung iaitu sebanyak 10 orang responden (8%). Manakala, bagi fungsi tempat hiburan pula tiada responden yang memilihnya.

Rajah 4.1 Fungsi Muzium Adat Terhadap Negara



Muzium Adat Sebagai Pusat Pendidikan Budaya Warisan

Di Jadual 4.9, sebanyak 122 orang responden (97.6%) yang memilih ya kepada Muzium Adat sebagai pusat pendidikan budaya warisan. Manakala, terdapat 3 orang responden (2.4%) mengatakan tidak kepada soalan tersebut.

Jadual 4.9 Muzium Adat Sebagai Pusat Pendidikan Budaya Warisan

Pilihan	Frekuensi	Peratus (%)
Ya	122	97.6
Tidak	3	2.4

Kaedah Yang Sesuai Digunakan Oleh Muzium Adat Dalam Mendidik Masyarakat

Jadual 4.10 menyatakan mengenai kaedah yang digunakan oleh Muzium Adat dalam mendidik masyarakat dan di jadual ini juga adalah jawapan pelbagai atau ‘multiple responses’. Jadi, jumlah kekerapan responden tidaklah sama seperti 125 orang kerana perkara ini bergantung kepada jumlah jawapan seseorang responden melebihi satu atau sebaliknya. Majoriti responden menyokong dengan kaedah menggunakan artifak iaitu sebanyak 91 orang (36%). Manakala, jumlah kedua tertinggi yang disokongi oleh responden ialah penerangan melalui video iaitu sebanyak 88 orang (34.8%). Bagi penerangan secara bertulis dan acara yang dianjurkan memiliki jumlah sokongan yang sama iaitu sebanyak 37 orang (14.6%).

Jadual 4.10 Kaedah Untuk Mendidik Masyarakat

Kaedah Mendidik	Respon	Peratus (%)	Peratus Mengikut Kes (%)
Artifak/Alat Pameran	91	36.0	72.8
Penerangan Secara Bertulis	37	14.6	29.6
Penerangan Melalui Video	88	34.8	70.4
Acara yang dianjurkan	37	14.6	29.6
Jumlah	253	100	202.4

Pengunjung Yang Pernah Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Yang Diadakan oleh Muzium Adat

Menurut Jadual 4.11 adalah berkenaan dengan pengalaman pengunjung dalam melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan Muzium Adat. Majoriti responden mengatakan tidak kerana mereka tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti Muzium Adat iaitu sebanyak 109 orang responden (87.2%). Akan tetapi, terdapat juga sebilangan kecil yang pernah terlibat dengan aktiviti Muzium Adat seperti kuiz dan ceramah mengenai sejarah yang mempunyai jumlah yang sama iaitu 3 orang responden (2.4%). Manakala, terdapat juga yang terlibat dengan perasmian muzium tersebut dan acara tarian yang mempunyai jumlah yang sama iaitu 2 orang responden (1.6%).

Jadual 4.11 Penglibatan Dalam Acara Muzium Adat

	Frekuensi	Peratus
Tidak/Tidak Pernah	109	87.2
Ya, aktiviti lawatan sambil belajar oleh pihak sekolah	1	0.8
Ya, kuiz mengenai galeri muzium	3	2.4
Ya, malam kebudayaan	1	0.8
Ya, menyertai pertandingan	1	0.8
Ya, perasmian Muzium Adat	2	1.6
Ya, pertandingan deklimasi sajak	1	0.8
Ya, pertandingan mencari maklumat Muzium Adat	1	0.8
Ya, ceramah oleh ahli sejarawan mengenai pengenalan Adat Perpatih dan Temenggung	3	2.4
Ya, tarian	2	1.6
Ya, terlibat di dalam aktiviti tarian dan lain-lain	1	0.8
Jumlah	125	100

Kepentingan Muzium Adat Terhadap Masyarakat

Jadual 4.12 menerangkan berkenaan dengan pendapat responden mengenai kepentingan Muzium Adat terhadap masyarakat. Terdapat banyak jenis jawapan yang diberikan lalu

pengkaji mengkategorikan jawapan yang hampir sama sebagai satu jenis jawapan. Jumlah yang jawapan atau pendapat tertinggi responden adalah mengatakan ‘ya, kerana masyarakat dapat mengetahui sejarah terdahulu’ iaitu sebanyak 22 orang (17.6%). Kedua jawapan tertinggi pula ialah ‘ya, generasi akan datang boleh mendapat ilmu pengetahuan mengenai adat dan sejarah’ iaitu sebanyak 20 orang (16%) dan ketiga tertinggi pula ialah ‘ya, kerana dapat memberi pengetahuan dan iktibar tentang sejarah masyarakat dahulu kala’ iaitu sebanyak 19 orang (15.2%).

Jadual 4.12 Kepentingan Muzium Adat Kepada Masyarakat


	Frekuensi	Peratus
Tidak, kerana kebanyakan masyarakat pada masa ini kurang memberi atau menunjuk minat terhadap sejarah	1	0.8
Ya, dapat mendedahkan kepada masyarakat khususnya orang luar	2	1.6
Ya, dapat mengekalkan warisan budaya dan adat Negeri Sembilan	14	11.2
Ya, generasi akan datang boleh mendapat ilmu pengetahuan mengenai adat dan sejarah	20	16
Ya, kerana artifak/alat pameran di Muzium Adat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai tamadun manusia	6	4.8
Ya, kerana dapat memberi pengetahuan dan iktibar tentang masyarakat dahulu kala	19	15.2
Ya, kerana dapat menambah ilmu pengetahuan dalam masyarakat	2	1.6

Ya, kerana dapat mengetahui adat dan budaya	4	3.2
Ya, kerana masyarakat dapat mengetahui lebih jelas tentang adat di Malaysia	7	5.6
Ya, kerana masyarakat dapat mengetahui sejarah terdahulu	22	17.6
Ya, kerana memupuk sifat cintakan sejarah, diri sendiri dan negara	4	3.2
Ya, memenuhi masa lapang dengan berfaedah	1	0.8
Ya, Muzium Adat merupakan salah satu tempat tumpuan pengunjung di Jelebu	3	2.4
Ya, sebagai penyimpan bahan bersejarah dan pusat pengembangan ilmu	12	9.6
Ya, supaya adat yang sedia ada tidak lapuk ditelan zaman	8	6.4
Jumlah	125	100

Cara Mengelakkan Pendidikan Budaya Warisan

Menurut Rajah 4.2, terdapat 5 jenis cara yang telah disenaraikan dan telah dipilih oleh responden. Majoriti responden memilih cara dengan mengamalkan di dalam keluarga iaitu sebanyak 39 orang responden (31.2%). Seterusnya, mengadakan aktiviti tahunan mengenai kebudayaan merupakan cara yang kedua tertinggi pilihan responden iaitu sebanyak 33 orang (26.4%). Merekodkan di muzium pula merupakan ketiga tertinggi pilihan responden iaitu sebanyak 30 orang (24%) dan kemudiannya adalah menyertai kelab kebudayaan (tarian, muzik) iaitu sebanyak 16 orang (12.8%). Jumlah yang paling sedikit pilihannya ialah merekodkan di buku atau di web dengan sebanyak 7 orang (5.6%).

Rajah 4.2 Cara Mengekalkan Pendidikan Budaya Warisan



Penambahbaikan Muzium Adat

Di dalam Jadual 4.13 menyatakan mengenai penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh Muzium Adat melalui pendapat responden. Penambahbaikan yang paling tinggi kekerapannya ialah menambah pameran yang lebih menarik iaitu sebanyak 23 orang responden (18.4%). Seterusnya, kedua tertinggi ialah tiada yang membawa maksud tiada penambahbaikan yang perlu dilaksanakan terhadap Muzium Adat iaitu sebanyak 15 orang (12%). Manakala, yang ketiga tertinggi ialah responden mencadangkan banyakkan program yang melibatkan masyarakat iaitu sebanyak 12 orang responden (9.6%).

Jadual 4.13 Penambahbaikan Muzium Adat

	Frekuensi	Peratus
Adakan persembahan	1	0.8
Banyakkan program yang melibatkan masyarakat	12	9.6
Lancarkan promosi lebih hebat untuk menarik pelancong	9	7.2
Membaiki segala kerosakan alatan audio visual/ICT dan pameran yang terdapat di muzium	8	6.4
Membuat aktiviti yang lebih menarik pada setiap tahun	7	5.6
Memperbaharui barang yang berada di dalam Muzium Adat seperti boneka dan media	3	2.4
Memperbanyak artifak	11	8.8
Menambah kemudahan untuk pengunjung	1	0.8
Menambah pameran yang lebih menarik	23	18.4
Menambahbaikan perkhidmatan	7	5.6
Menambahbaikan bangunan muzium	9	7.2
Menceriakan lagi Muzium Adat agar nampak menarik	7	5.6
Menyediakan bahan yang menarik lagi	9	7.2
Menyediakan cenderamata	3	2.4
Tiada	15	12
Jumlah	125	100

Cara Menarik Minat Pengunjung Ke Muzium Jika Menjadi Seorang Kurator

Di bahagian ini, Jadual 4.14 menjelaskan mengenai pendapat responden jika mereka menjadi kurator kepada muzium mereka dalam langkah untuk menarik minat pengunjung. Bagi menarik minat pengunjung, kebanyakan pendapat responden yang dinyatakan ialah promosi yang berterusan melalui laman sosial, media cetak dan media

massa iaitu sebanyak 17 orang (13.6%). Kedua tertinggi pendapat responden ialah menambahbaikkan bahan-bahan di muzium dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang menarik. Kedua-dua pendapat ini mempunyai jumlah yang sama iaitu 16 orang (12.8%). Manakala ketiga tertinggi pendapat responden ialah adakan lebih banyak acara dan memperbanyak lagi sejarah yang ada di dalam muzium. Kedua-duanya juga mempunyai jumlah yang sama iaitu 13 orang (10.4%).

Jadual 4.14 Cara Menarik Minat Pengunjung Jika Menjadi Kurator

	Frekuensi	Peratus
Adakan lebih banyak acara	13	10.4
